

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

1. Status terkini berapakah kuari yang terdapat dan beroperasi di DUN Penanti dan kuari pajakan tanah oleh Kerajaan Negeri yang beroperasi dan tamat pajakan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. Berdasarkan maklum balas Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah (PDT SPT), tiada kuari yang sedang beroperasi di DUN Penanti pada masa kini. Manakala kuari pajakan tanah oleh Kerajaan Negeri yang beroperasi dan tamat tempoh pajakan adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

KUARI PAJAKAN YANG BEROPERASI DI SEBERANG PERAI TENGAH

| DUN | LOT / MUKIM | NAMA SYARIKAT |
|--------------------------|---|---|
| BUKIT TENGAH | PT 659 HSD 55582 Mukim 12 SPT Pajakan tamat: <u>02.02.2042</u> | <u>Tuan tanah:-</u> Saw Cheong Teok Quarry Sdn. Bhd. <u>Operator:-</u> Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. <u>Beroperasi</u> |
| MACHANG BUBOK | Lot 10189 HSM 1096 dan Lot 10190 HSM 1097 Mukim 17 Pajakan tamat: <u>18.09.2115</u> | <u>Tuan tanah:-</u> Foo Yen Soo & Son Sdn. Bhd. <u>Operator:-</u> Foo Yen Soo & Son Sdn. Bhd. <u>Beroperasi</u> |
| BERAPIT | Lot 707 PM 22 1097 Mukim 20 Pajakan tamat: <u>23.08.2049</u> | <u>Tuan tanah:-</u> Teik Granite Kuari Sdn. Bhd. <u>Operator:-</u> Teik Granite Kuari Sdn. Bhd. <u>Beroperasi</u> |

KUARI YANG TAMAT TEMPOH PAJAKAN DI SEBERANG PERAI TENGAH

| DUN | LOT / MUKIM | NAMA SYARIKAT |
|----------------|---|---|
| BERAPIT | PT 43 Mukim 20,SPT Pajakan telah luput: <u>31.12.2021</u> | <u>Tuan tanah:-</u> Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd <u>Operator:-</u> Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. <u>Tidak beroperasi</u> |
| | PT 44 Mukim 20 SPT Pajakan telah luput: <u>05.03.2021</u> | <u>Tuan tanah:-</u> Kuad Sdn. Bhd. <u>Operator:-</u> Kuad Sdn. Bhd. <u>Tidak beroperasi</u> |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

2. Untuk mengelakkan pekerja Islam dari bekerja menjual arak di premis-premis dan kedai-kedai tertentu. Adakah MAINPP akan membenarkan jualan arak secara melalui *vending machine* di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Menjual arak adalah diharamkan di sisi agama Islam. Walau bagaimanapun dalam masa yang sama, Islam juga menghormati pendirian agama lain. Berkenaan dengan perniagaan jual beli arak dengan menggunakan *vending machine*, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) mengalu-alukan pandangan berkenaan hal ini di mana secara tidak langsung ianya dapat mengelakkan pekerja yang beragama Islam terlibat dalam jual beli ini.

Di peringkat Persekutuan dalam sesi parlimen yang lalu, soalan yang sama telah diutarakan oleh Ahli Parlimen Pulau berkenaan mekanisme baharu yang boleh membantu mengelak masyarakat Islam daripada terlibat dalam transaksi perniagaan berkaitan minuman beralkohol dan seterusnya beliau mencadangkan agar diwujudkan *vending machine* bagi mengendalikan penjualan produk tersebut dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) membangunkan garis panduan yang berkaitan. Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) JAKIM menerima baik pandangan ini dan JAKIM juga turut menyenaraikan beberapa usaha lain bagi menangani isu tersebut.

Bagi negeri Pulau Pinang, satu perbincangan melibatkan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang bersama Jabatan Kastam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi membincangkan perkara ini dengan lebih terperinci dan diadakan dalam masa terdekat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

3. Adakah bilik-bilik di hotel ataupun di rumah-rumah tumpangan di Pulau Pinang dilakukan pemeriksaan penyediaan penunjuk arah kiblat?
 - (a) Siapakah yang mempunyai bidang kuasa dalam hal ini?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Hanya hotel yang terlibat dengan penarafan bintang oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sahaja tertakluk kepada syarat pengesahan arah kiblat.
 - (a) Pengesahan arah kiblat di Negeri Pulau Pinang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri tertakluk kepada permohonan dan garis panduan yang ditetapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

4. Sehingga kini, berapakah kilang-kilang haram yang sedang beroperasi secara aktif mengikut Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Terdapat sebanyak 488 buah kilang haram yang telah dikenal pasti masih beroperasi secara aktif di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pulau Pinang. Perincian pecahan kilang haram tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut:

| Bil. | Daerah | Bilangan kilang haram |
|-------------|---------------------------|------------------------------|
| 1 | Timur Laut | 41 |
| 2 | Barat Daya | 57 |
| 3 | Seberang Perai Utara | 149 |
| 4 | Seberang Perai Tengah | 155 |
| 5 | Seberang Perai Selatan | 86 |
| | Jumlah Keseluruhan | 488 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

5. Perincikan berapakah jumlah program yang telah diadakan dan jumlah peruntukan wang zakat yang telah dikeluarkan sebagai bantuan oleh pihak Zakat Pulau Pinang sepanjang bulan Ramadan 2024 mengikut kawasan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Program yang diadakan sepanjang bulan Ramadan tahun 2024 adalah seperti berikut:
- (i) Skim Agihan Nur Ramadan. Perinciannya seperti di **LAMPIRAN A**; dan
 - (ii) Skim Agihan E-hamper

Jumlah agihan zakat adalah seperti berikut:

| BIL | PERKARA | NILAI (RM) |
|---------------------------|---|-----------------------|
| 1. | Asnaf Fakir (Skim Agihan Nur Ramadhan) | 654,800.00 |
| 2. | Asnaf Miskin (Skim Agihan Nur Ramadhan) | 900,400.00 |
| 3. | Skim Agihan E-hamper Ramadhan | 112,125.79 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 1,667,325.79 |

LAMPIRAN A**SENARAI PENERIMA SKIM AGIHAN NUR RAMADAN TAHUN 2024 MENGIKUT
KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

| BIL | NAMA KAWASAN DUN | BILANGAN PENERIMA |
|------------|-------------------------|--------------------------|
| 1 | N1: PENAGA | 139 |
| 2 | N2: BERTAM | 150 |
| 3 | N3: PINANG TUNGGAL | 149 |
| 4 | N4: PERMATANG BERANGAN | 123 |
| 5 | N5: SUNGAI DUA | 75 |
| 6 | N6: TELOK AYER TAWAR | 101 |
| 7 | N7: SUNGAI PUYU | 112 |
| 8 | N8: BAGAN JERMAL | 146 |
| 9 | N9: BAGAN DALAM | 131 |
| 10 | N10: SEBERANG JAYA | 136 |
| 11 | N11: PERMATANG PASIR | 141 |
| 12 | N12: PENANTI | 137 |
| 13 | N13: BERAPIT | 42 |
| 14 | N14: MACHANG BUBUK | 149 |
| 15 | N15: PADANG LALANG | 119 |
| 16 | N16: PERAI | 53 |
| 17 | N17: BUKIT TENGAH | 134 |
| 18 | N18: BUKIT TAMBUN | 145 |
| 19 | N19: JAWI | 140 |
| 20 | N20: SUNGAI BAKAP | 138 |
| 21 | N21: SUNGAI ACHEH | 149 |
| 22 | N22: TANJONG BUNGA | 138 |
| 23 | N23: AIR PUTIH | 84 |
| 24 | N24: KEBUN BUNGA | 63 |
| 25 | N25: PULAU TIKUS | 0 |

LAMPIRAN A

**SENARAI PENERIMA SKIM AGIHAN NUR RAMADAN TAHUN 2024 MENGIKUT
KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

| BIL | NAMA KAWASAN DUN | BILANGAN PENERIMA |
|---------------|-------------------------|--------------------------|
| 26 | N26: PADANG KOTA | 96 |
| 27 | N27: PENGKALAN KOTA | 36 |
| 28 | N28: KOMTAR | 94 |
| 29 | N29: DATOK KERAMAT | 104 |
| 30 | N30: SUNGAI PINANG | 116 |
| 31 | N31: BATU LANCANG | 39 |
| 32 | N32: SERI DELIMA | 106 |
| 33 | N33: AIR ITAM | 96 |
| 34 | N34: PAYA TERUBONG | 55 |
| 35 | N35: BATU UBAN | 41 |
| 36 | N36: PANTAI JEREJAK | 90 |
| 37 | N37: BATU MAUNG | 147 |
| 38 | N38: BAYAN LEPAS | 150 |
| 39 | N39: PULAU BETONG | 79 |
| 40 | N40: TELOK BAHANG | 117 |
| JUMLAH | | 4,260 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

6. Apakah proses untuk memohon bantuan OKU negeri Pulau Pinang?
- (a) Agensi-agensi manakah yang boleh dihubungi?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan kepada OKU melalui Skim Bantuan Persekutuan melibatkan Elaun Pekerja OKU (EPOKU) dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB). Syarat kelayakan permohonan adalah seperti berikut:

Bantuan EPOKU

KADAR - RM450 sebulan seorang.

TUJUAN

Insentif ini diberikan untuk menggalakkan OKU terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

KRITERIA KELAYAKAN KHUSUS

- 1) Warganegara, bermastautin dan bekerja di Malaysia;
- 2) Berumur 16 tahun dan ke atas;
- 3) Pemegang kad OKU JKM; dan

4) Pendapatan bulanan RM 1,500.00 dan ke bawah.

BANTUAN OKU TIDAK BERUPAYA BEKERJA (BTB)

KADAR - RM300 seorang sebulan.

TUJUAN

- 1) Membantu OKU yang tidak berupaya bekerja; dan
- 2) Menggalakkan OKU terus tinggal bersama keluarga.

KRITERIA KELAYAKAN KHUSUS

- 1) Warganegara dan bermastautin di Malaysia;
- 2) Berumur 16 tahun dan ke atas;
- 3) Pemegang Kad OKU JKM;
- 4) Tidak berupaya bekerja;
- 5) Pemohon bukan penghuni/ pelatih Institusi kendalian JKM; atau Pusat jagaan harian/ berkediaman yang menyediakan perkhidmatan/ kemudahan secara percuma; atau Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK); dan
- 6) Sumber kewangan bulanan individu OKU tidak melebihi kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Per Kapita Semasa.

Nota: Sumber kewangan seperti pencen/ perkeso/ bantuan dan lain-lain

Selain daripada itu, bantuan OKU negeri Pulau Pinang melalui Program i-Sejahtera di bawah Kerajaan Negeri juga memperuntukkan bantuan kewangan secara one-off bagi OKU yang berdaftar dan bermastautin di Pulau Pinang. Kadar Bantuan RM 200.00 dan juga bantuan pengurusan jenazah OKU yang meninggal sebanyak RM1000.00 Permohonan boleh dibuat secara online dan juga manual dengan mengisi borang permohonan bersama senarai semak maklumat yang diperlukan. Permohonan lengkap boleh dikemukakan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berdekatan dengan pemohon.

CARA PERMOHONAN

Pengendalian permohonan bantuan kewangan dibuat di peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah pemohon tinggal. Setiap permohonan yang didaftarkan akan dijalankan siasatan untuk penilaian (means-tested) bagi mengesahkan kelayakan bantuan kepada pemohon. Urusan ini bersesuaian dengan prinsip penyampaian bantuan yang berdasarkan kepada kelayakan dan bukan hak.

Untuk memudahkan urusan pentadbiran, pemohon diminta membawa dokumen sokongan semasa hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah seperti salinan Kad Pengenalan diri pemohon, salinan Kad Pengenalan suami / isteri / ibu / bapa / anak yang tinggal bersama, salinan sijil kelahiran anak-anak / ahli keluarga yang tinggal bersama, salinan penyata gaji (jika ada), dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

- (a) Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah agensi yang bertanggungjawab bagi permohonan bantuan OKU. Untuk memudahkan urusan pentadbiran, pemohon diminta membawa dokumen sokongan semasa hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah seperti salinan Kad Pengenalan diri pemohon, salinan Kad Pengenalan suami / isteri / ibu / bapa / anak yang tinggal bersama, salinan sijil kelahiran anak-anak / ahli keluarga yang tinggal bersama, salinan penyata gaji (jika ada), dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

7. Senaraikan nelayan yang mempunyai lesen menangkap ikan di kawasan DUN Penanti.
- (a) Terdapat nelayan yang lesen mereka telah tamat tempoh dan tidak boleh diperbaharui, berikan justifikasi pemberhentian pembaharuan lesen-lesen nelayan tersebut.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Merujuk kepada rekod Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF), terdapat seramai 14 orang nelayan darat/sungai yang mempunyai lesen bot dan peralatan menangkap ikan sungai di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Lesen nelayan yang tamat tempoh dan tidak diperbaharui selama tiga (3) tahun berturut-turut adalah layak dibatalkan oleh DOF setelah nelayan tersebut diberi surat tunjuk sebab. Ini termasuk di dalam pelaksanaan program pemutihan lesen iaitu proses mengenal pasti nelayan yang sudah tidak aktif kerana pelbagai faktor seperti keluar industri, tidak berminat, tidak sihat dan sebagainya. Ini bagi memberi peluang kepada pihak DOF mengeluarkan lesen kepada nelayan baharu yang cukup syarat untuk beroperasi secara sah di perairan negeri ini.

SENARAI NELAYAN DARAT / SUNGAI YANG MEMPUNYAI LESEN BOT DAN PERALATAN MENANGKAP IKANSUNGAI DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PENANTI

| KOD DAERAH | NAMA DAERAH | KOD NEGERI | NAMA NEGERI | NAMA NELAYAN | TAHUN | STATUS AKTIF | ELAJUN | KOD KAUM | KALIM | JANTINA | WARGANEGARA | BANDAR | POSKOD | NEGERI | NEGARA | TEL BIMBIT | LESEN AKHIR | THN JADI NELAYAN | | NO VESEL | JENIS VESEL | PANJANG VESEL | ENJIN | KUJASA KUDA ENJIN | PERALATAN UTAMA | BILANGAN UNIT | PERALATAN TAMBAHAN | PERAIRAN | NAMA PERAIRAN | PANGKALAN | PARLIMEN | DUN | PEKERJAAN LAIN |
|------------|----------------------|------------|-------------|----------------------------------|-------|--------------|--------|----------|--------|---------|-------------|----------------|--------|----------|----------|------------|-------------|------------------|-------|-------------|-------------|---------------|-------|-------------------|-----------------|-----------------|--------------------|----------------------------|------------------------------|-----------------------|----------------|-------------------|----------------|
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | BAHARUDDIN BIN ABDULLAH | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2015 | 7 | Tidak | Fiber Glass | 4.4 | YAMAHA | 15 | Jala | 0 | Pancing | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | PETANI | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | MOHAMMAD AMIN BIN ABDULLAH | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2002 | 19 | Tidak | Fiber Glass | 4.9 | SUZUKI | 40 | Jala | 0 | Pancing | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | JURU KIMPAL | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | MOHAMMAD FAUZI BIN ISMAIL | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2013 | 9 | Tidak | Fiber Glass | 4.16 | YAMAHA | 30 | Jala | 0 | Pancing | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | JURU ELEKTRIK | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | MOHD PISOL BIN ABDULLAH | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2002 | 20 | Tidak | Fiber Glass | 4.65 | YAMAHA | 30 | Jala | 0 | Jaring | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | KERJA KERAJAAN | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | MOHD SHUKRI BIN ABDULLAH | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2001 | 21 | Tidak | Fiber Glass | 4.34 | YAMAHA | 30 | Pancing | 0 | Jala | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | PETANI | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | MOHD SOPI BIN SALLEH | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14400 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2014 | 8 | Tidak | Fiber Glass | 4.95 | SUZUKI | 15 | Jaring | 0 | Bubu | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | KERJA KILANG | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | MOHD ZUKI BIN DARUS | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14400 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2010 | 12 | Tidak | Fiber Glass | 3.73 | YAMAHA | 15 | Jala | 0 | Pancing | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | PETANI | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | MUHAMMAD ZULFADLI NA'IM BIN AMIR | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14400 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2008 | 15 | Tidak | Fiber Glass | 4.57 | YAMAHA | 30 | Bubu | 0 | Pancing, Jala | Sungai, Sungai | Sungai Perai, Sungai Perai | Kampung Terus, Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | KERJA KERAJAAN | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | NORDIN BIN AHMAD@YUSOFF | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2010 | 12 | Tidak | Fiber Glass | 4.7 | YAMAHA | 30 | Jala | 0 | Pancing | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | MBSB KONTRAK H 11 | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | OSMAN BIN MOHD AKHIR | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14400 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2011 | 11 | Tidak | Fiber Glass | 6.62 | SUZUKI | 30 | Jala | 0 | Pancing | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | BERNIAGA | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | RIZAL BIN HASHIM | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 1998 | 24 | Tidak | Fiber Glass | 5.2 | YAMAHA | 15 | Jala | 0 | Pancing | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | PETANI | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | ROSLI BIN IBRAHIM | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14000 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2002 | 20 | Tidak | Fiber Glass | 7.52 | MERCURY | 60 | Jala | 0 | Jaring, Pancing | Sungai, Sungai | Sungai Perai, Sungai Perai | Kampung Terus, Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | PEMANDU LORI | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | SAIDIN BIN CHE MAT | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | BUKIT MERTAJAM | 14400 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2010 | 12 | Tidak | Fiber Glass | 8 | MERCURY | 115 | Pancing | 0 | Jala, Jaring | Sungai, Sungai | Sungai Perai, Sungai Perai | Kampung Terus, Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | PETANI | Tetap |
| PP03 | Seberang Prai Tengah | PP | P.PINANG | YUSRI BIN AHMAD | 2024 | Sampingan | Tidak | M | Melayu | L | Malaysia | TASEK GELUGOR | 13310 | P.Pinang | Malaysia | Tidak | 2012 | 10 | Tidak | Fiber Glass | 4.43 | YAMAHA | 30 | Pancing | 0 | Jala | Sungai | Sungai Perai | Kampung Terus | P.44 - PERMATANG PAUH | N.12 - PENANTI | KERJA KERAJAAN | Tetap |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

8. Senaraikan jumlah gudang-gudang haram yang beroperasi di dalam DUN Penanti.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Terdapat sebanyak **9 gudang haram** yang telah dikenal pasti beroperasi di dalam kawasan DUN Penanti iaitu seperti berikut:

| Bil. | Nama Syarikat | Alamat |
|-------------|-------------------------------------|--|
| 1 | TSL Plastic Manufacturing Sdn. Bhd. | 743, Jln Mengkuang Titi, Ara Kuda, 14400 Kubang Semang. |
| 2 | Green Source Sdn. Bhd. | 743, Jln Mengkuang Titi, Ara Kuda, 14400 Kubang Semang. |
| 3 | Teh Brother Timber Sdn. Bhd. | Mkm 19, Lot 979, Ara Kuda, Seberang Perai Tengah. |
| 4 | Yo Soon Timber Sdn. Bhd. | 1623, Mengkuang Tandok, Bukit Mertajam, 14400 Kubang Semang. |
| 5 | Ultimate Metal Coating Sdn. Bhd. | Di Atas Lot 3783, Jln Mengkuang Keretapi, Bukit Mertajam, 14400 Kubang Semang. |
| 6 | Inspiwood Furniture Sdn. Bhd. | Lot 3780, MK-20, Jalan Kuala Mengkuang, Kubang Ulu, 14400 Bukit Mertajam. |
| 7 | Chop Man Fatt | Lot 727, Mkm 19, Jalan Mengkuang Titi, 14400 Bukit Mertajam. |

| Bil. | Nama Syarikat | Alamat |
|-------------|------------------------------------|--|
| 8 | Arch Wood Protection (M) Sdn. Bhd. | 941, Jalan Kubang Semang, Bukit Indera Muda, 14400 Bukit Mertajam. |
| 9 | JSG Enterprise | 1423, Mukim 20, Kampung Kuala Mengkuang, Kubang Ulu, 14400 Bukit Mertajam. |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

9. Apakah insentif yang diberikan kepada persatuan-persatuan seni silat di Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) menyalurkan bantuan subsidi kewangan dan insentif kecemerlangan sukan melalui Persekutuan Silat Negeri Pulau Pinang (PESIPP) yang terlibat secara langsung dalam penyediaan atlet-atlet berprestasi tinggi Negeri Pulau Pinang. PESIPP selaku Badan Induk Sukan Silat di negeri ini yang menyatupadukan semua penggerak sukan silat di Negeri Pulau Pinang.

Penyaluran bantuan kewangan atau insentif yang disalurkan oleh MSNPP kepada PESIPP adalah seperti berikut:

- (a) Pelantikan Jurulatih Sukan Negeri Pulau Pinang untuk program pembangunan atlet bakat, pelapis dan SUKMA Negeri;
- (b) Bantuan subsidi kewangan untuk penyertaan pertandingan dalam negara dan luar negara;
- (c) Bantuan subsidi kewangan untuk perolehan peralatan sukan dan pakaian pertandingan;
- (d) Pembayaran elaun latihan atlet SUKMA dan elaun latihan atlet elit Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang;

- (e) Skim Sukan Awam Penang2030;
- (f) Skim Token Wang Saku Atlet Kebangsaan;
- (g) Skim Bantuan Pengurusan dan Pentadbiran Persatuan Sukan Negeri; dan
- (h) *Penang Athlete Career Education* (Skim Kebajikan Atlet-Atlet SUKMA Negeri)

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga turut menyalurkan sumbangan subsidi untuk penganjuran program atau kejohanan sukan silat dari semasa ke semasa seperti berikut:

- (a) Sumbangan RM10,000.00 bagi Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PESIPP dan Jamuan Makan Malam Persekutuan Silat Negeri Pulau Pinang 2024 pada 3 Mac 2024; dan
- (b) Sumbangan subsidi RM3,000.00 untuk penganjuran Program Kem Satria Gayong 3.0 2023 pada 12 Nov 2023.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

10. Senaraikan ladang ternakan unggas yang beroperasi di DUN Penanti.
 - (a) Apakah tindakan kerajaan dalam memastikan ladang ini mematuhi Enakmen Unggas?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Senarai ladang yang berlesen di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah mengeluarkan lesen di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 mulai 1 Januari 2024. Kesemua ladang yang memohon lesen telah diverifikasi dan khidmat nasihat berhubung penambahbaikan penternakan unggas telah diberikan pada Februari 2024. Penternak unggas telah diberi tempoh masa untuk menambah baik ladang unggas serta mematuhi syarat pelesenan. JPVPP telah mula menjalankan pemantauan di ladang yang berlesen sejak Mac 2024. Tindakan kompaun akan mula dikenakan mulai 2 Mei 2024 yang memperuntukkan kompaun tidak lebih daripada RM15,000.00 mengikut kesalahan yang dilakukan.

SENARAI LADANG TERNAKAN UNGGAS YANG BEROPERASI DI DUN PENANTI

| BIL | NAMA LADANG | ALAMAT LADANG | JURUSAN | POPULASI |
|-----|--|--|-------------------------|----------|
| 1 | PWF Farm Sdn Bhd | Lot 407,408 Mk 20,S.P.T | Ayam pedaging | 120,000 |
| 2 | Jiali Poultry Farm Sdn Bhd | Lot 1577 Mk 17,S.P.T | Ayam Kampung | 90,000 |
| 3 | CAB Cakaran Sdn Bhd | Lot 1445 Jalan Kubang Ulu | Ayam pedaging | 78,000 |
| 4 | CAB Cakaran Sdn Bhd | Lot 1581 & 1582,Jalan Sg Lembu | Ayam baka | 28,000 |
| 5 | Kami Farming Sdn Bhd | Lot 1068,1069 & 1158 Mk 18,S.P.T | Ayam kampung kacukan | 20,000 |
| 6 | Kami Farming Sdn Bhd | Lot 1947,1948,1859,386,387,1858,Mk 17,S.P.T | Ayam pedaging | 170,000 |
| 7 | Kami Farming Sdn Bhd | Lot 1329,Mk 19,S.P.T | Ayam pedaging | 65,000 |
| 8 | Tan Choi Hin Sdn Bhd | Lot 838,1553 Mk 17,S.P.T | Itik baka | 20,000 |
| 9 | Tan Choi Hin Sdn Bhd | Lot 1154,1155 Mk 17,S.P.T | Itik baka | 66,000 |
| 10 | Sim Fah Farming Sdn Bhd | Lot 364,365 Mk 18,S.P.T | Ayam pedaging | 145,000 |
| 11 | Sim Fah Farming Sdn Bhd | Lot 962,963,964,965 Mk 18,S.P.T | Ayam pedaging | 267,000 |
| 12 | Sim Fah Farming Sdn Bhd | Lot 449,Mk 19,S.P.T | Ayam pedaging | 93,000 |
| 13 | Sim Fah Farming Sdn Bhd | Lot 757,746,Mk 18,S.P.T | Ayam pedaging | 254,000 |
| 14 | Sim Fah Farming Sdn Bhd | Lot 754,755 Mk 18,S.P.T | Ayam pedaging | 95,000 |
| 15 | Sim Fah Farming Sdn Bhd | Lot 357,Mk 18,S.P.T | Ayam kampung | 60,000 |
| 16 | Hwa Huat Livestock Industries Sdn Bhd | Lot 689,690,Mk 19,Ara Kuda,S.P.T | Ayam pedaging | 130,000 |
| 17 | Yeong Cherng Sdn Bhd | Lot 388,389,390,Mk 19,Kg Teluk Wang,S.P.T | Ayam pedaging | 100,000 |
| 18 | Yeong Cherng Sdn Bhd | Lot 339,Mk 19,Kg Teluk Wang,S.P.T | Ayam pedaging | 95,000 |
| 19 | Yeong Cherng Sdn Bhd | Lot 888,Mk 19,Kg Teluk Wang,S.P.T | Ayam pedaging | 90,000 |
| 20 | Yeong Cherng Sdn Bhd | Lot 267,277,839,843,Mk 19,Kg Teluk Wang,S.P.T | Ayam pedaging | 120,000 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

11. Apakah bantuan-bantuan yang diberikan kepada pengusaha inap desa/*homestay*?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk meneruskan kawal selia inap desa/*homestay* di Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pada masa ini, tiada bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pengusaha kampung/*homestay*.
- (a) Aktiviti penginapan/*homestay* kampung dipantau rapi oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Bagaimanapun, di Pulau Pinang terdapat aktiviti penginapan swasta yang dipantau rapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengikut garis panduan yang disediakan di peringkat Kerajaan Pulau Pinang. Garis panduan ini merujuk kepada Garis Panduan Pengendalian Penginapan Swasta di Skim Kediaman Bertanah di Pulau Pinang dan Garis Panduan Pengendalian Penginapan Swasta dalam Skim Hartanah Berstrata di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

12. Mohon perincian dan keterangan mengenai Rancangan Struktur Tempatan (Local Plan) MBSP dan bilakah ianya digazetkan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Proses penyediaan Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (RTSP2030) bagi menggantikan Draf Rancangan Tempatan (RT) ketiga-tiga daerah telah bermula pada tahun 2017 melalui Perunding Arkitek Jururancang (Malaysia) Sdn. Bhd. (AJM) yang dilantik.

Pada 18 November 2017, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengadakan publisiti awal RTSP 2030 bertempat di Vision Park, Kepala Batas dan di ruang legar Bangunan MBSP selama tempoh dua (2) minggu.

Seterusnya, Pembentangan Laporan Draf Akhir RTSP 2030 di Mesyuarat Teknikal Perancang Negeri (Khas) Bilangan 1 & 2 telah diadakan pada 25 Ogos 2020 dan 21 September 2020. Satu taklimat berkaitan Draf Akhir RTSP2030 kepada Ahli Majlis Dewan Undangan Negeri (ADUN) juga telah diadakan pada 18 Disember 2020.

Selanjutnya, pada 12 April 2021 hingga 11 Jun 2021, satu Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RTSP2030 telah diadakan dan dilanjutkan sehingga 9 Julai 2021, bertempat di ruang legar Bangunan MBSP, Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) Seberang Perai Utara, PDT Seberang Perai Tengah, PDT Seberang Perai Selatan dan PlanMalaysia@Pulau Pinang. Hasil daripada program

tersebut, pihak MBSP telah menerima sebanyak 5,149 orang responden yang telah mengemukakan maklum balas.

Bagi Sesi Siasatan dan Pendengaran Awam pula, ia telah diadakan pada ketetapan seperti berikut:

| TARIKH | CATATAN |
|-------------------------------------|--|
| 10 Mei 2022 – 1 Jun 2022 | Daerah Seberang Perai Utara |
| 13 Julai 2022 – 29 Julai 2022 | Daerah Seberang Perai Tengah |
| 20 September 2022 – 11 Oktober 2022 | Daerah Seberang Selatan dan lain-lain kategori |
| 9 November 2022 – 11 November 2022 | Kategori tamat tempoh |
| 9 Januari 2023 – 12 Januari 2023 | Maklum balas responden tidak hadir |

Pada 5 September 2023, Laporan Keputusan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) RTSP2030 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan, Pembangunan dan Pengindahan. Pembentangan laporan ini seterusnya telah disahkan dalam Majlis Penuh MBSP yang diadakan pada 19 September 2023.

Pada 16 November 2023 pula, Laporan Keputusan JKSTP telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri (JPN) dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 29 Mac 2024 dan disahkan pada hari yang sama.

RTSP2030 dijangka akan diwartakan pada awal tahun 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

13. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menurunkan jumlah kemalangan yang berlaku di dalam kawasan-kawasan panas (*hot spot*) di DUN Penanti seperti di simpang menuju ke Taman Guar Perahu?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Bagi memastikan jumlah kemalangan yang berlaku di kawasan panas (*hot spot*) di DUN Penanti seperti di simpang menuju ke Taman Guar Perahu menurun, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan beberapa kaedah seperti berikut:

Pengurusan trafik/ lalu lintas

Reka bentuk pengurusan trafik yang berkesan boleh membantu mengurangkan kemalangan. Ini termasuk memasang lampu isyarat, tanda lalu lintas yang jelas, laluan lintasan pejalan kaki yang selamat, serta menetapkan laluan yang jelas untuk penunggang basikal. Reka bentuk jalan raya yang mengambil kira pengguna lain seperti pejalan kaki dan penunggang basikal juga memberi kesan positif terhadap keselamatan jalan raya. Mempunyai laluan pejalan kaki yang selamat, lorong basikal yang diasingkan, atau lintasan pejalan kaki biasa boleh membantu mengurangkan risiko perlanggaran antara kenderaan dengan pejalan kaki atau penunggang basikal.

Keterlihatan yang dipertingkatkan

Reka bentuk jalan raya yang mengambil kira keterlihatan, boleh membantu mengurangkan kemalangan. Peningkatan jarak

penglihatan juga merupakan faktor penting dalam mengurangkan kemalangan. Penambahan lampu jalan yang mencukupi, pemisahan lorong yang jelas dan papan tanda lalu lintas yang mudah dibaca dan difahami dapat membantu pemandu melihat jalan raya dan pemandu kenderaan lain dengan lebih baik. Selain daripada itu, pemasangan lampu yang mencukupi boleh membantu pemandu melihat jalan raya dan papan tanda lalu lintas dengan lebih baik dapat mengurangkan risiko kemalangan jalanraya.

Kesedaran pemandu

Walaupun reka bentuk jalan raya memainkan peranan penting, kesedaran dan tingkah laku pemandu juga sangat penting dalam mengurangkan kemalangan. Pendidikan yang betul tentang keselamatan memandu, penguatkuasaan undang-undang yang ketat, penggunaan alat pemantauan kenderaan seperti kamera, serta kempen kesedaran awam boleh menyumbang kepada mengurangkan jumlah kemalangan.

Pihak PDRM akan mempertingkatkan penguatkuasaan dan rondaan di kawasan yang kerap berlaku kemalangan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

14. Berikan jumlah kemalangan yang berlaku akibat lumba haram di kawasan Penanti serta senaraikan kawasan-kawasan *hot spot* lumba haram di DUN Penanti.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. (a) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), tiada maklumat kemalangan berlaku akibat lumba haram yang dilaporkan di dalam Sistem iPRS PDRM.
- (b) Kawasan *hot spot* lumba haram di DUN Penanti adalah Butterworth-Kulim Expressway (BKE).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

15. Apakah usaha Kerajaan Negeri di dalam penambahbaikan modal insan di dalam pekerja gig ekonomi yang sedang meningkat?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama pihak Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Pulau Pinang sentiasa berusaha menambah baik modal insan dalam kalangan pekerja gig ekonomi yang kian meningkat. Antara program sedia ada kepada golongan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Penganjuran Program Bina Kerjaya 2.0 yang merupakan program pembangunan kerjaya yang dikhususkan kepada pekerja sektor tidak formal termasuk pekerja gig yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Diploma dan ke bawah bagi meningkatkan potensi serta memperoleh peluang pekerjaan melalui pengajian dan pensijilan *microcredentials* atau profesional atau kompetensi. Program yang dijalankan menerusi Bina Kerjaya ini juga memberi tanggungan bayaran latihan sehingga RM4,000 mengikut kategori persijilan dan elaun latihan berjumlah RM30 sehari untuk tempoh maksima 20 hari. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh 1 Januari sehingga 10 Mei 2024, sebanyak 69 permohonan telah diterima melibatkan Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut sebanyak 24 permohonan telah diluluskan;
- (b) Melaksanakan Program Peningkatan Kemahiran untuk semua lantikan MySTEP di bawah platform MYFutureJobs.

MYFutureJobs berperanan sebagai platform padanan pekerjaan kepada graduan yang baharu menamatkan pengajian untuk membina kerjaya masa depan dan meraih pendapatan yang lebih tinggi. Inisiatif ini akan menawarkan 50 ribu peluang pekerjaan secara kontrak dalam sektor awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bermula Januari 2024; dan

- (c) Mewujudkan Pusat Penempatan dan Penerokaan Kerjaya Kebangsaan sebagai lokasi sehenti untuk pencari kerja untuk mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan dengan peruntukan sebanyak RM7.25 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

16. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri di dalam menerima penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) di peringkat sekolah rendah dan menengah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dalam menjayakan Dasar Pendidikan Digital (DPD);
- (a) Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP) telah mengadakan Bengkel Pemantapan Jurulatih Utama Negeri dan daerah bagi penggunaan *AI Tools* dalam portal *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
 - (b) Hasil bengkel ini, semua jurulatih utama negeri dan daerah akan buat penataran penggunaan *AI Tools Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di peringkat sekolah rendah dan menengah melibatkan guru dan murid;
 - (c) SSTP juga bekerjasama dengan Penang Science Cluster bagi satu program yang dinamakan *Experience AI*. Program ini akan melibatkan hampir 254 guru sekolah menengah di Pulau Pinang. Program ini akan berjalan pada pertengahan Mei 2024;

- (d) Majlis MoU dan pelancaran *AI for School (AI4S)* di SMK Batu Maung antara Tech Dome Penang dengan organisasi Kapten 88 dalam memperkasakan bidang AI di peringkat sekolah;
- (e) Dalam pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)* Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), banyak *tools AI* yang guru dan murid pelajari seperti *Microsoft Learn, Gemini AI, Perplexity AI* dan lain-lain; dan
- (f) Mengadakan *Program Generative AI* dengan objektif membantu menjadikan proses pembelajaran pelajar lebih interaktif, pengenalan kepada Aplikasi AI dan kelebihan AI kepada para pelajar, memahami asas *Machine Learning* dan melatih pelajar menggunakan AI sebagai alat bantu pembelajaran bagi menjadikan proses pembelajaran lebih efisien.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

17. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membantu nelayan-nelayan yang tidak boleh memohon dan memperbaharui lesen nelayan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF) sentiasa menggalakkan nelayan supaya memohon lesen perikanan darat/sungai di mana nelayan boleh hadir ke Pejabat Perikanan Daerah dan Pejabat Perikanan Negeri untuk memohon dan memperbaharui lesen nelayan darat/sungai tersebut. Proses hebahan kepada para nelayan dilakukan melalui program-program anjuran Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat seperti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN), program Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA) dan hari bertemu pelanggan bagi menggalakkan nelayan untuk memohon lesen. Proses permohonan dibuat mengikut prosedur dan syarat yang telah ditetapkan dengan menggunakan borang yang disediakan serta nelayan perlu menghantar dokumen yang lengkap.

Manakala bagi lesen nelayan laut, permohonan lesen baharu telah dibekukan oleh pihak Jabatan Perikanan Malaysia, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sejak tahun 1982. Pembekuan ini dibuat dengan mengambil kira status sumber perikanan yang terdapat di perairan negara dan tahap tampungan bilangan vessel/ penangkapan ikan sedia ada yang beroperasi di dalam perairan Malaysia telah mencapai tahap optimum. Selain status sumber, kawalan ini adalah berdasarkan komitmen negara terhadap peraturan antarabangsa di bawah *Food and Agriculture*

Organization (FAO) dan Sustainable Development Goals (SDG) 14 iaitu *Life Below Water* bagi menjamin sumber perikanan agar dapat diteroka dengan mapan.

Pengeluaran lesen baharu bagi nelayan laut akan dibuat mengikut kuota yang diluluskan oleh pihak ibu pejabat melalui Program Pemutihan di mana pihak DOF akan membatalkan lesen-lesen yang tidak aktif dan lesen-lesen tidak diperbaharui selama tiga (3) tahun berturut-turut terlebih dahulu sebelum mengeluarkan lesen baharu kepada nelayan lain.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

18. Senaraikan jumlah peruntukan untuk pembangunan dan pembekalan yang diberikan kepada ADUN Kerajaan, Pembangkang, Ahli majlis dan juga Penyelaras KADUN.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM5.28 juta bagi projek kecil di bawah maksud peruntukan Pembangunan, P.16 (02), manakala sejumlah RM7.2 juta diperuntukkan di bawah maksud Pembangunan P.16. (03) bagi pelaksanaan program khas dan latihan khas (Bekalan). Senarai jumlah peruntukan semasa untuk Pembangunan dan Bekalan yang diberikan kepada ADUN Kerajaan, Pembangkang dan Penyelaras KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Manakala jumlah peruntukan kepada Ahli Majlis akan disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing.

CADANGAN AGIHAN PERUNTUKAN TAHUN 2024

| PENERIMA | BIL | P16 | | | |
|---|-----|-----------------------|------------------|-----------------------|------------------|
| | | BUTIRAN 02 (RM) | JUMLAH (RM) | BUTIRAN 03 (RM) | JUMLAH (RM) |
| YAB KM | 1 | 400,000 | 400,000 | 600,000 | 600,000 |
| YB TKM I/II | 2 | 200,000 | 400,000 | 360,000 | 720,000 |
| YB Ahli MMK | 8 | 180,000 | 1,440,000 | 220,000 | 1,760,000 |
| YB ADUN | 18 | 120,000 | 2,160,000 | 180,000 | 3,240,000 |
| YB ADUN Pembangkang | 11 | 60,000 | 660,000 | - | - |
| Penyelaras KADUN (Kawasan Pembangkang) | 11 | 20,000 | 220,000 | 80,000 | 880,000 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 5,280,000 | | 7,200,000 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

19. Rompakan secara berkumpulan dan kemalangan sering terjadi di Lebuhraya Penanti ke Lunas (BKE) kerana jalan yang gelap dan berlubang. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membendung masalah ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Berdasarkan rekod kes-kes jenayah yang berlaku sepanjang tempoh tahun 2022 sehingga bulan April 2024 di sepanjang Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE), hanya terdapat dua (2) kejadian rompakan sahaja yang dilaporkan. Kes-kes rompakan tersebut dilaporkan pada bulan Jun 2023 dan bulan Januari 2024. Hasil siasatan lanjut yang dijalankan mendapati kedua-dua kes tersebut merupakan laporan palsu yang dibuat oleh mangsa.

Kes pertama pada bulan Jun 2023 dibuat oleh seorang lelaki berbangsa Melayu yang menyatakan beliau telah dirompak dengan bertujuan untuk mengelak daripada dikenakan denda oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kerana telah menghilangkan kad pengenalannya atas kecuiaan sendiri. Kes kedua pula yang dilaporkan pada bulan Januari 2024 melibatkan seorang lelaki berbangsa Cina. Siasatan lanjut mendapati bahawa mangsa telah membuat laporan palsu dengan tujuan untuk menutup kesalahannya yang telah menyalahgunakan dan menghabiskan wang gaji untuk bermain judi atas talian.

Kesimpulannya, sepanjang tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2022 sehingga bulan April 2024, tiada sebarang kejadian jenayah rompakan dilaporkan di sepanjang Lebuhraya BKE sama ada

menghala dari Seberang Jaya, Pulau Pinang ke Lunas, Kulim atau sebaliknya. Kerajaan Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang sentiasa memastikan keselamatan di sepanjang laluan tersebut dengan melaksanakan rondaan secara berkala oleh Pasukan Kereta Ronda (MPV) dan Pasukan Rondaan Bermotosikal (URB) terutamanya pada waktu malam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

20. Banjir sering terjadi di DUN Penanti, kebiasaannya JPAM, Bomba, Polis dan yang lain akan membantu. Apakah pihak polis tidak dibekalkan bot penyelamat?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membekalkan bot penyelamat kepada pihak polis di kawasan DUN Penanti?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui Unit Pengurusan Bencana (UPB), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM150,000.00 bagi pemerkasaan komuniti Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024 kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di negeri Pulau Pinang bagi tujuan pembelian bot fiber enjin dan jaket keselamatan bagi pemerkasaan komuniti Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024. Setiap PDT diagihkan peruntukan berjumlah RM30,000.00 untuk pembelian 2 unit bot fiber enjin dan jaket keselamatan untuk kesiapsiagaan di daerah masing-masing.
- (a) Setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk membekalkan bot penyelamat kepada pihak polis di kawasan DUN Penanti memandangkan permohonan untuk mendapatkan bot penyelamat tersebut perlu melalui Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) ke Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman.

LAPORAN PERBELANJAAN BAGI BOT, ENJIN BOT DAN JAKET KESELAMATAN MTL 2022/2023

| BIL. | PEJABAT DAERAH & TANAH | | | BAKI |
|---------------------------|------------------------|-------------------|-------------------|-----------------|
| | | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN | PERUNTUKAN |
| | | (RM) | (RM) | (RM) |
| 1 | Daerah Timur Laut | 30,000.00 | 29,920.00 | 80.00 |
| 2 | Daerah Barat Daya | 30,000.00 | 30,000.00 | - |
| 3 | Seberang Perai Tengah | 30,000.00 | 28,020.00 | 1,980.00 |
| 4 | Seberang Perai Selatan | 30,000.00 | 30,000.00 | - |
| 5 | Seberang Perai Utara | 30,000.00 | 30,000.00 | - |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 150,000.00 | 147,940.00 | 2,060.00 |

Tarikh Kemaskini: 31/3/2024

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

21. Bilakah akan diadakan mesyuarat oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk oleh DUN Pulau Pinang? Jawatankuasa kira-kira (PAC) telah pun bermesyuarat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. Berikut merupakan senarai jawatankuasa-jawatankuasa yang dibentuk oleh DUN Pulau Pinang dan tarikh pelaksanaan dan perancangannya:

(i) **Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan;**

Bil. 1: 27 Februari 2024 (Isnin)

Bil. 2: 14 Mei 2024 (Selasa)

Kekerapan mesyuarat adalah bergantung kepada kepada isu-isu yang berbangkit namun menerusi keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan Bil.1/24, mesyuarat akan bersidang minimum empat (4) kali setahun atau maksimum enam (6) kali setahun.

(ii) **Jawatankuasa Hak dan Kebebasan;**

Tiada pelaksanaan/perancangan mesyuarat sehingga tempoh jawapan ini disediakan.

Kekerapan mesyuarat adalah bergantung kepada kepada isu-isu yang berbangkit.

(iii) **Jawatankuasa Dewan;**

Bil. 1: 16 Januari 2024 (Selasa)

Kekerapan mesyuarat adalah bergantung kepada isu-isu yang berbangkit.

(iv) **Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat;** dan

Tiada pelaksanaan/perancangan mesyuarat sehingga tempoh jawapan ini disediakan.

Kekerapan mesyuarat adalah bergantung kepada kepada isu-isu yang berbangkit.

(v) **Jawatankuasa Perlembagaan**

Tiada pelaksanaan/perancangan mesyuarat sehingga tempoh jawapan ini disediakan.

Jawatankuasa akan bersidang pada masa yang ditetapkan Pengerusinya, iaitu YAB Ketua Menteri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

22. Di banyak kawasan seperti Pasar Awam Bukit Mertajam, terdapat ramai peniaga ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan terdiri daripada orang-orang Bangladesh dan Nepal. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk membendung masalah ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengambil langkah proaktif dalam membendung masalah peniaga ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan yang menggunakan khidmat pekerja asing yang terdiri daripada warga Bangladesh dan Nepal. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:
- (a) Menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan di pasar-pasar awam di kawasan pentadbiran MBSP;
 - (b) Membatalkan penyewaan gerai MBSP atas kesalahan menyewakan gerai tanpa kebenaran daripada pihak MBSP;
 - (c) Mempergiatkan operasi penguatkuasaan bersama Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang bagi membanteras pekerja/peniaga warga asing tanpa izin; dan
 - (d) Mewujudkan Garis Panduan Penglibatan Pekerja/Pembantu di pusat penjaja MBSP, premis perniagaan dan penjaja bagi mengawal pengambilan pekerja/

pembantu Bukan Warganegara (BWN) di pasar-pasar awam MBSP.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

23. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan serta meluluskan penempatan asrama pekerja-pekerja asing di Teluk Kumbar?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri pada ketika ini telah menangguhkan terlebih dahulu pembinaan asrama pekerja kawasan Teluk Kumbar kerana mengambil kira aduan serta maklum balas daripada komuniti setempat di kawasan Teluk Kumbar dan pemegang taruh yang berkepentingan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

24. Mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri mengenai tarif air yang meningkat terlalu tinggi sehingga membebankan rakyat dan insiden paip air di Sungai Perai yang bocor berulang kali yang menyebabkan pengguna di lebih 60 kawasan menghadapi gangguan bekalan air tanpa amaran. Apakah jaminan Kerajaan Negeri yang ianya tidak akan berulang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri telah menerima Inisiatif Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negara (NWSIRI) pada tahun 2011. Lantaran itu, penyedia perkhidmatan pembekalan air di Pulau Pinang iaitu Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai penyedia perkhidmatan pembekalan air berlesen.

Tarif air yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) yang diperkenalkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Mekanisme ini digunakan oleh semua penyedia perkhidmatan pembekalan air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam pengiraan tarif secara adil dan telus.

Tarif air perlu dikaji semula dari semasa ke semasa bagi membolehkan PBAPP menjana pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan perbelanjaan operasi dan pembangunan infrastruktur. Kadar tarif air yang statik akan menyukarkan PBAPP

untuk melaksanakan penambahbaikan operasi dan penaiktarafan infrastruktur yang akan menjejaskan kualiti perkhidmatan di masa hadapan. Sebagai makluman tambahan, tarif air domestik Pulau Pinang untuk 35 meter padu (m³) pertama adalah yang kedua terendah di Malaysia.

Merujuk kepada gangguan bekalan air tidak berjadual pada 18 Disember 2023, insiden ini adalah berpunca daripada kebocoran paip di dasar Sungai Perai, Seberang Perai yang telah menjejaskan kira-kira 200,000 pengguna air di daerah Barat Daya dan beberapa kawasan di Seberang Perai. Tindakan pantas telah diambil oleh PBAPP dan kerja-kerja pembaikan telah siap pada pukul 5.30 pagi, 22 Disember 2023. Pemulihan bekalan air telah dicapai sepenuhnya pada pukul 11.00 malam, 26 Disember 2023.

Pada 23 Januari 2024, PBAPP sekali lagi telah mengesan kebocoran besar secara tiba-tiba pada bahagian saluran paip di dasar Sungai Perai. Kejadian itu mengakibatkan gangguan bekalan air tidak berjadual kepada kira-kira 200,000 pengguna di daerah Barat Daya dan beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan. PBAPP telah mengaktifkan pelan tindak balas kecemasannya serta-merta. Walau bagaimanapun, untuk meminimumkan impak kepada pengguna, PBAPP terus mengepam air melalui saluran paip pada aliran minimum.

Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBAPP untuk melaksanakan dua (2) pelan tindakan kecemasan bagi memulihkan bekalan air untuk 120,000 pengguna yang terjejas dengan secepat mungkin seperti berikut:

- (a) Pelan A: Mengapit semula saluran paip 1,350 milimeter (mm) untuk mendapatkan semula perkhidmatan bekalan air untuk 84% daripada 120,000 pengguna yang terjejas menjelang 8.00 pagi, 26 Januari 2024; dan
- (b) Pelan B: Melaksanakan kerja lencongan dua (2) saluran paip 600mm baharu untuk menggantikan bahagian saluran paip 1,350mm dalam air.

Pemulihan bekalan air untuk Pelan A telah berjaya dicapai pada pukul 1.15 petang, 29 Januari 2024 manakala kerja-kerja lencongan saluran paip bagi Pelan B telah siap dilaksanakan pada 31 Januari

2024 dan pemulihan bekalan air sepenuhnya telah dicapai pada pukul 3.00 petang, 1 Februari 2024.

Bagi memastikan insiden ini tidak berulang di masa hadapan, Kerajaan Negeri melalui PBAPP akan melaksanakan kerja-kerja pembinaan saluran paip air berdiameter 1,350mm bersama struktur sokongan yang melintasi sungai dengan anggaran kos RM5.0 juta. Pembinaan saluran paip air melintasi sungai ini akan memudahkan pemantauan dan penyelenggaraan paip di masa hadapan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

25. Senaraikan projek-projek semasa dan telah siap bagi kategori RMM A, B dan C khususnya di KADUN Penanti.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Sehingga tarikh berakhir 30 April 2024, sebanyak 160,744 unit Rumah Mampu Milik (RMM) merangkumi unit RMM A (dahulunya dikenali sebagai kos rendah), RMM B (dahulunya dikenali sebagai kos sederhana rendah) dan RMM C (dahulunya dikenali sebagai kos sederhana) dapat dibekalkan kepada rakyat Pulau Pinang yang terdiri daripada pelbagai peringkat pembangunan merangkumi 50,700 unit bagi projek yang telah siap dibina, 20,547 unit dalam pembinaan dan 89,497 unit dalam peringkat perancangan. Angka ini telah mencecah sebanyak 73.07% di bawah Visi Penang2030 di bawah Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan dengan sasaran penyediaan sebanyak 220,000 unit RMM pelbagai kategori menjelang tahun 2030. Perincian unit RMM mengikut daerah dan peringkat pembangunan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Khusus bagi KADUN Penanti, sebanyak 6,601 unit RMM telah dan bakal dibekalkan bagi memenuhi keperluan perumahan. Pecahan ini merangkumi sebanyak 193 unit telah siap dibina, 128 unit dalam pembinaan dan 6,280 unit dalam peringkat perancangan. Perincian projek adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A**PECAHAN UNIT RUMAH MAMPU MILIK MENGIKUT DAERAH DAN PERINGKAT PEMBANGUNAN SEJAK 2018 SEHINGGA 30 APRIL 2024**

| DAERAH | PERINGKAT PEMBANGUNAN | | |
|-------------------------------|------------------------------|----------------------|--------------------|
| | SIAP DIBINA | SEDANG DIBINA | PERANCANGAN |
| Daerah Timur Laut | 18,519 | 8,480 | 19,816 |
| Daerah Barat Daya | 10,961 | 4,016 | 27,253 |
| Daerah Seberang Perai Utara | 11,980 | 3,331 | 8,912 |
| Daerah Seberang Perai Tengah | 6,346 | 3,283 | 21,573 |
| Daerah Seberang Perai Selatan | 2,894 | 1,437 | 11,943 |
| JUMLAH | 50,700 | 20,547 | 89,497 |

LAMPIRAN B

**SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK PELBAGAI PERINGKAT PEMBANGUNAN DI BAWAH KADUN PENANTI
SEJAK 2018 SEHINGGA 30 APRIL 2024**

| BIL. | TAHUN | NAMA PROJEK | JENIS RUMAH MAMPU MILIK (RMM) | NAMA PEMAJU | PERINGKAT PEMBINAAN | BIL. UNIT |
|--------------------|-------|---|-------------------------------|-----------------------------|---------------------|--------------|
| 1. | 2011 | Taman Guar Perahu Indah | RMM A | Iwara Sdn. Bhd. | Siap Dibina | 59 |
| 2. | 2014 | Seri Akasia | RMM A | JKP Sdn. Bhd. | | 134 |
| 3. | 2017 | Taman Seri Puteri | RMM A | JKP Sdn. Bhd. | Sedang Dibina | 128 |
| 4. | 2021 | Lot 226,227,229,233,234,908, 970,971,972,973,974,975 Mukim 19 dan Lot 1045,1046,1049 dan 1050 Mukim 18, SPT | RMM C | Concrete Gold (M) Sdn. Bhd. | Dalam Perancangan | 5,980 |
| 5. | 2022 | Di Atas Lot 189 Dan 665 Mukim 19 SPT | RMM A | Waz Lian Holding Sdn. Bhd. | | 300 |
| JUMLAH UNIT | | | | | | 6,601 |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

26. Senaraikan perancangan projek-projek RMM baharu di Daerah Seberang Perai khususnya di Penanti.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sehingga 30 April 2024, sebanyak 29 perancangan pembangunan baharu telah dikenal pasti untuk dibangunkan di Daerah Seberang Perai Tengah yang merangkumi tiga (3) kategori Rumah Mampu Milik (RMM) iaitu RMM A, RMM B dan RMM C dengan jumlah keseluruhan unit adalah sebanyak 21,573. Status semasa bagi 29 perancangan pembangunan tersebut adalah dalam status Kebenaran Merancang dan Pelingkungan Semula. Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk membangunkan RMM C di DUN Penanti yang merangkumi sebanyak 5,980 unit kediaman. Perincian senarai projek RMM A, RMM B dan RMM C adalah seperti dalam **Jadual 1**, **Jadual 2** dan **Jadual 3** di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

Jadual 1: Perincian Perancangan Pembangunan RMM A Di Daerah Seberang Perai Tengah

| BIL. | PROJEK | STATUS | JENIS RMM | BILANGAN UNIT | KADUN |
|---------------|--|---------------------|-----------|---------------|-----------------|
| 1 | Bersebelahan Taman Markisah, Mukim 14, SPT | Kebenaran Merancang | A | 420 | Machang Bubok |
| 2 | Seksyen 4, Bukit Mertajam, SPT | Kebenaran Merancang | A | 230 | Berapit |
| 3 | Bersebelahan Taman Tan Sai Gin, Seksyen 3, SPT | Kebenaran Merancang | A | 84 | Padang Lalang |
| 4 | Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, SPT (Fasa 1) | Kebenaran Merancang | A | 74 | Machang Bubok |
| 5 | Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, SPT (Fasa 2) | Kebenaran Merancang | A | 182 | Machang Bubok |
| 6 | Lot 1291, Jalan Markisah, Mukim 14, SPT (Fasa 3) | Kebenaran Merancang | A | 182 | Machang Bubok |
| 7 | PT 16 - PT 18 dan PT 10000, Bandar Perai dan PT 301 - PT 302, Mukim 4, Kampung Bagan Serai, SPT (Fasa 1) | Kebenaran Merancang | A | 400 | Seberang Jaya |
| 8 | Lot 1056 - Lot 1059, Mukim 21, SPT | Pelingkungan Semula | A | 350 | Permatang Pasir |
| 9 | Lot 712, 713, 1839, 1841, 1843, 2206, PT 274, Lot 683, 684, 726, 727, 1838, 1840 dan 1842, Mukim 16, SPT | Kebenaran Merancang | A | 190 | Machang Bubok |
| 10 | Lot 189 dan 665, Mukim 19, SPT | Pelingkungan Semula | A | 300 | - |
| JUMLAH | | | | 2,412 | - |

Jadual 2: Perincian Perancangan Pembangunan RMM B Di Daerah Seberang Perai Tengah

| BIL. | PROJEK | STATUS | JENIS RMM | BILANGAN UNIT | KADUN |
|---------------|---|---------------------|------------------|----------------------|---------------|
| 1 | Juru | Kebenaran Merancang | B | 1,180 | Bukit Tengah |
| 2 | Bukit Mertajam | Kebenaran Merancang | B | 894 | Machang Bubok |
| 3 | PT 16 - PT 18, PT 10000, Bandar Perai dan PT 301 - PT 302, Mukim 4, Kampung Bagan Serai, SPT (Fasa 2) | Kebenaran Merancang | B | 694 | Seberang Jaya |
| 4 | Lot 10067 (PT 2997), Mukim 6, Jalan Permatang Pauh, SPT | Kebenaran Merancang | B | 395 | Seberang Jaya |
| 5 | Perai (Kampung Main) | Kebenaran Merancang | B | 960 | - |
| JUMLAH | | | | 4,123 | - |

Jadual 3: Perincian Perancangan Pembangunan RMM C Di Daerah Seberang Perai Tengah

| BIL. | PROJEK | STATUS | JENIS RMM | BILANGAN UNIT | KADUN |
|-------------|--|---------------------|------------------|----------------------|-----------------|
| 1 | Juru | Kebenaran Merancang | C | 1,268 | Bukit Tengah |
| 2 | Permatang Tinggi | Kebenaran Merancang | C | 704 | Machang Bubok |
| 3 | Bukit Mertajam | Kebenaran Merancang | C | 1,287 | Machang Bubok |
| 4 | Lot 32905 (PT 3054), Mukim 14, Jalan Bukit Minyak | Kebenaran Merancang | C | 160 | Machang Bubok |
| 5 | Lot 31988, Lot Lama 1229, Mukim 14, Jalan Bukit Minyak Utama | Kebenaran Merancang | C | 544 | Machang Bubok |
| 6 | Pangsapuri Rambai Mewah | Kebenaran Merancang | C | 396 | - |
| 7 | Lot 1056 - Lot 1059, Mukim 21, SPT | Pelingkungan Semula | C | 412 | Permatang Pasir |
| 8 | Lot 226, 227, 229, 233, 234, 908, 970 - 975, | Pelingkungan Semula | C | 5,980 | Penanti |

| BIL. | PROJEK | STATUS | JENIS RMM | BILANGAN UNIT | KADUN |
|---------------|--|---------------------|------------------|----------------------|---------------|
| | Mukim 19, dan Lot 1045, 1046, 1049 dan 1050, Mukim 18, SPT | | | | |
| 9 | Lot 317794 (Lot Lama 1370), Jalan Rozhan, Mukim 15, SPT | Kebenaran Merancang | C | 751 | Machang Bubok |
| 10 | Lot 31228, Mukim 14, Jalan Desa Titi Panjang, SPT | Kebenaran Merancang | C | 550 | Machang Bubok |
| 11 | Aston Minca Residence | Kebenaran Merancang | C | 237 | - |
| 12 | Perai (Kampung Main) | Kebenaran Merancang | C | 1,400 | - |
| 13 | Lot 195, Jalan Sejahtera 1, Mukim 15, SPT | Kebenaran Merancang | C | 113 | - |
| 14 | Lot 10261 - 10280, Mukim 12, SPT | Kebenaran Merancang | C | 1,236 | - |
| JUMLAH | | | | 15,038 | - |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XV)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB ZULKEFLI BIN BAKAR**

27. Kebanyakan penduduk di kawasan Penanti terdiri daripada kumpulan petani yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan bergantung sepenuhnya terhadap hasil tuaian. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu pembiayaan pemilikan perumahan kumpulan B40 khususnya melibatkan kumpulan petani ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kawasan Penanti merupakan kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada kumpulan petani yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan slip penyata gaji. Perkara ini menjadi halangan kepada mereka untuk mendapatkan kemudahan pinjaman perumahan bagi memiliki sebuah Rumah Mampu Milik (RMM) di bawah Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) telah memperuntukkan sebanyak RM5 bilion bagi tahun 2023 serta sebanyak RM10 bilion bagi tahun 2024 untuk mengatasi masalah kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan. Permohonan bagi skim tersebut boleh dimohon melalui 15 buah bank panel seperti berikut:-

- (i) Affin Bank Berhad;
- (ii) AmBank Islamic Berhad;
- (iii) Bank Simpanan Nasional Berhad;
- (iv) Maybank Islamic Berhad;

- (v) Agro Bank Berhad;
- (vi) Bank Islam Malaysia Berhad;
- (vii) Hong Leong Bank Berhad;
- (viii) MBSB Bank Berhad;
- (ix) Alliance Bank Malaysia;
- (x) Bank Muamalat Malaysia;
- (xi) Hong Leong Islamic Bank;
- (xii) RHB Islamic Bank;
- (xiii) Alliance Islamic Bank;
- (xiv) Bank Rakyat Berhad; dan
- (xv) Maybank Berhad.

Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengadakan kerjasama dengan pihak yang terlibat dengan SJKP bagi memastikan pembekalan RMM kepada rakyat Pulau Pinang sentiasa tersedia. Sehingga tarikh berakhir pada 30 April 2024, seramai 2,142 orang pemohon dari Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan dokumen bagi memohon pinjaman perumahan di bawah skim tersebut dengan nilai pembiayaan sebanyak RM346.54 juta.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Visi Penang2030, di bawah Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan, sasaran ketiga telah menetapkan sasaran penyediaan skim perumahan sewa beli atau *rent to own* (RTO) sebanyak 22,000 unit. 22,000 unit RMM tersebut merupakan 10 peratus daripada sasaran pertama pembekalan RMM iaitu sebanyak 220,000 unit menjelang tahun 2030. Ini menjelaskan penekanan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan pembiayaan perumahan terutamanya kepada golongan petani atau

kepada mereka yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai penyata gaji serta berpendapatan tidak tetap.

Skim RTO merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu golongan B40 yang tidak mempunyai slip penyata gaji serta mengalami kesukaran untuk mendapatkan pinjaman perumahan bagi memiliki rumah kerana skim perumahan ini merupakan satu skim perumahan yang tidak memerlukan bantuan pembiayaan kewangan daripada pihak bank / institusi kewangan. Pemohon yang layak hanya perlu membayar sewa dengan kadar RM240.00 sehingga RM310.00 sebulan sebagai ansuran bagi tempoh 15 sehingga 20 tahun sebelum hak milik unit tersebut dipindahkan sepenuhnya kepada mereka. Rumah Pangsa Desa Wawasan yang terletak di Daerah Seberang Perai Tengah merupakan contoh skim perumahan RTO di mana pemohon hanya perlu membayar kadar sewa sebanyak RM240.00 serta bayaran penyelenggaraan sebanyak RM60.00 sebulan. Dua (2) bulan sewa iaitu sebanyak RM480.00 sebagai deposit dan cagaran penyelenggaraan sebanyak RM100.00 adalah perlu dibayar oleh pemohon yang layak.

Sehingga tarikh berakhir pada 30 April 2024, sebanyak 4,544 unit bersamaan dengan 20.65% daripada sasaran 22,000 unit telah dikenal pasti untuk ditawarkan melalui skim RTO yang merangkumi unit RMM A, B dan C. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui LPNPP akan mengenal pasti lebih banyak skim perumahan RTO supaya sasaran A1T3: Pembekalan 22,000 unit sewa beli di bawah Visi Penang2030 dapat dicapai menjelang tahun 2030.